



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

SYAABAN BERLALU, RAMADAN BERTAMU

Tarikh Dibaca:

**29 SYAABAN 1446H /
28 FEBRUARI 2025**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إِذَا قَامَ جَمَاعَةُ إِسْلَامَ مَلِيْسِيَا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

SYAABAN BERLALU, RAMADAN BERTAMU

28 FEBRUARI 2025 / 29 SYAABAN 1446H

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ اَلْقَائِلِ:

أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ

لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾ البقرة: ١٨٣

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ

اللَّهُ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam rahmat Allah SWT. Suka untuk saya mengingatkan saudara-saudara sekalian agar tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti berbual-bual dan berhentilah dahulu dari bermain telefon bimbit. Dengar dengan tekun khutbah yang saya akan sampaikan pada hari ini. Mudah-mudahan ia membawa banyak pengajaran kepada kita semua. Pada hari ini saya akan menyampaikan khutbah bertajuk: “**Syaaban Berlalu, Ramadan Bertamu**”.

SAUDARAKU YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Syaaban hampir berlalu, dan Ramadan pula akan bertamu *insya-Allah* dalam sehari dua ini. Sejak masuknya Bulan Syaaban, atau bahkan sejak dari Bulan Rejab lagi, telah mula

beredarnya peringatan tentang ketibaan Ramadan yang mulia. Sama ada kita peduli atau tidak dengan peringatan-peringatan tersebut, maka tanyalah pada diri masing-masing. Orang yang beriman, pasti sudah bersedia sejak sekian lamanya untuk menyambut Ramadan, berbeza dengan orang yang tidak peduli pun dengan tetamu yang penuh keberkatan ini.

Ramadan menjanjikan banyak kelebihan dan peluang kepada umat Islam. Salah satu ibadah khusus yang ditetapkan pada bulan ini ialah tuntutan berpuasa sebulan penuh berdasarkan firman Allah SWT dari Surah al-Baqarah ayat 183 yang saya bacakan pada awal khutbah tadi yang maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertakwa”.

Para ulama tafsir sepakat bahawa ibadah puasa merupakan ibadah yang telah disyariatkan sejak zaman dahulu. Ia bertujuan untuk meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT. Padanya juga terkandung hikmah yang tinggi antaranya mendidik jiwa, menahan nafsu, dan membentuk disiplin diri. Berpuasa juga bukan beban, namun ia ibadah yang penuh rahmat dan memberi kebaikan kepada umat Islam.

SAUDARAKU YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Ramadan menjadi peluang terbesar untuk kita memperbaiki kesilapan dan keterlanjuran diri. Puasa, kalau dilihat dari maksudnya ialah menahan diri dari melakukan perkara yang membatalkan puasa. Jika direnungi maksudnya secara mendalam, ia juga bermaksud menahan diri dari melakukan perkara-perkara yang dilarang.

Harus diingat juga bahawa Ramadan bukan pesta makan, tetapi medan mengawal nafsu. Betapa banyak pembaziran yang berlaku akibat ketamakan kita sewaktu membeli juadah berbuka puasa.

Saya juga ingin mengingatkan kepada peniaga-peniaga agar berniaga dengan jujur, ikhlas, dan amanah. Pastikan makanan yang dijual itu halal, bersih dan selamat untuk dimakan. Jangan kerana terlalu mengejar keuntungan, sanggup mengambil kesempatan atau membuat helah untuk menindas pembeli.

Rasulullah SAW mengingatkan para peniaga Muslim supaya bersikap jujur dan amanah kerana itulah ciri peniaga yang bertakwa. Sabda Rasulullah SAW:

إِنَّ التُّجَّارَ يُبْعَثُونَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فُجَّارًا ، إِلَّا مَنْ اتَّقَى اللَّهَ وَبَرَ وَصَدَقَ

Maksudnya: “Sesungguhnya para peniaga akan dibangkitkan pada hari kiamat nanti dalam keadaan “fujjar” (pelaku dosa) melainkan mereka yang bertakwa, melakukan kebaikan dan bersikap benar”. (Hadis riwayat Imam at-Tirmidzi)

Para sahabat bertanya-tanya, kenapa para peniaga dibangkitkan dalam keadaan pelaku dosa? Lalu Rasulullah SAW menjawab:

وَلَكِنَّهُمْ يُحَدِّثُونَ فَيَكْذِبُونَ

“Tetapi (sebahagian) mereka ini apabila berkata-kata, mereka menipu”. (Hadis riwayat Imam Ahmad)

Begitu juga dengan pembeli, seharusnya membuat pertimbangan yang waras sebelum berurusan jual-beli dan menegur peniaga dengan adab dan susila sekiranya berlaku apa-apa isu. Sabda Rasulullah SAW:

رَحِمَ اللَّهُ رَجُلًا إِذَا بَاعَ وَإِذَا اشْتَرَى

Maksudnya: “Mudah-mudahan Allah merahmati seorang lelaki yang ketika dia berniaga dia bertimbang-rasa dan ketika dia membeli (sebagai seorang pembeli), dia juga bertimbang-rasa”. (Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

SAUDARAKU KAUM MUSLIMIN YANG MULIA,

Kesempatan bertemu Ramadan seharusnya kita manfaatkan dengan sebaiknya untuk mencapai matlamat utama hamba iaitu meraih keampunan dan keberkatan. Jangan pula kita tetap sama berleka-leka atau tetap bermaksiat walau diberi kesempatan bertemu Ramadan. Bulan Ramadan juga tidak wajar dihabiskan dengan menonton drama, filem atau media sosial, hingga ia berlalu begitu sahaja. Sebaliknya, masa yang ada perlu diisi dengan perbuatan yang dapat meningkatkan ketakwaan seperti membaca al-Quran atau berzikir.

Rasulullah SAW mengingatkan kita bahawa terdapat beberapa perkara yang akan menyebabkan seseorang itu menjadi rugi dalam Bulan Ramadan ini, antaranya:

1. Golongan yang tidak mendapat keampunan Allah SWT. Sabda Baginda Nabi SAW:

وَرَغِمَ أَنْفُ رَجُلٍ دَخَلَ عَلَيْهِ رَمَضَانُ ثُمَّ انْسَلَخَ قَبْلَ أَنْ يُغْفَرَ لَهُ

Maksudnya: “Rugilah buat seseorang yang telah masuk ke dalam Bulan Ramadan sehingga berlalulah ia sedangkan dosanya tidak diampunkan”. (Hadis riwayat Imam at-Tirmidzi)

2. Golongan yang tidak bersahur, kerana Allah SWT dan para malaikat mendoakan orang yang bersahur. Sabda Baginda Nabi SAW:

فَإِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى الْمُتَسَحِّرِينَ

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah dan para malaikat-Nya mendoakan buat mereka yang bangun sahur”. (Hadis riwayat Imam Ahmad)

3. Golongan yang melakukan maksiat. Inilah golongan yang paling rugi kerana Allah SWT tidak melihat amal puasanya. Sabda Rasulullah SAW:

مَنْ لَمْ يَدَعْ قَوْلَ الزُّورِ وَالْعَمَلَ بِهِ فَلَيْسَ لِلَّهِ حَاجَةٌ فِي أَنْ يَدَعَ طَعَامَهُ وَشَرَابَهُ

Maksudnya: “Barangsiapa yang tidak meninggalkan perkataan dusta dan beramal dengannya (pendustaan dan pembohongan), maka Allah tidak memerlukan ke atas perbuatannya yang meninggalkan makan dan juga minum”. (Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

Termasuk juga orang yang rugi ialah mereka yang terang-terang bermaksiat kepada Allah SWT seperti lelaki yang berpakaian wanita atau sebaliknya, tidak menutup aurat, dan lain-lain perbuatan dosa.

4. Golongan yang tidak berdoa ketika berbuka puasa, kerana padanya terdapat waktu yang mustajab. Dalam riwayat at-Tirmidzi dan Ibnu Majah, disebutkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

ثَلَاثَةٌ لَا تَرُدُّ دَعْوَتَهُمُ الْإِمَامُ الْعَادِلُ وَالصَّائِمُ حَتَّى يَفْطِرَ وَدَعْوَةُ الْمَظْلُومِ

Maksudnya: “Tiga golongan yang doa mereka tidak ditolak: pemimpin yang adil, orang yang berpuasa ketika berbuka, dan doa orang yang dizalimi...”

Justeru, bagi mengakhiri khutbah pada hari ini, saya rumuskan ia kepada beberapa kesimpulan;

Pertama: Ramadan menjanjikan banyak tawaran dan peluang untuk kita meraih keampunan dan keberkatan dari Allah SWT.

Kedua: Berusahalah memperbaiki diri dengan melakukan ketaatan dan menahan diri dari melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah SWT seterusnya menjadikan kita hamba-Nya yang bertakwa.

Ketiga: Rebutlah peluang dan bersungguh-sungguhlah menjalani ibadah dalam Bulan Ramadan kerana sabda Nabi SAW:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا، غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

Maksudnya: “Barangsiapa yang berpuasa pada bulan Ramadan dengan penuh keimanan dan pengharapan, akan diampunkan dosa-dosanya yang telah lalu”. (Hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: ﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ۝٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَّالَةَ مَلِكِنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ د-فَرْتَوَانِ اكَوْغْ سُلْطَانِ إِبْرَاهِيمِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا رَاكِ فَرْمَايسُورِي اكَوْغْ، رَاكِ زَارِيْثُ صُوفِيَاةَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَائِهِ وَقُضَاتِهِ وَعُمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

Ya Allah! Ampunilah segala dosa kami. Bantulah umat Islam yang tertindas di mana-mana jua terutamanya buat saudara kami di Palestin. Ya Allah! Berilah mereka kekuatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh, Sesungguhnya hanya Engkau Yang Maha Berkuasa. Ya Allah! Perbaikilah segala urusan kami dan urusan-urusan yang memberi kebaikan kepada umat Islam. Satukanlah hati kami seluruh umat Islam dan singkirkanlah perpecahan yang timbul dalam kalangan kami. Ya Allah! Limpahkanlah rahmat-Mu ke atas kami dan jangan jadikan kami termasuk orang-orang yang terhalang dari nikmat-Mu. Ya Allah! Angkatlah dan jauhkan kami dari kemurkaan-Mu, marabahaya, bala bencana, kesengsaraan, kemarau, banjir, kezaliman, kesesatan, gempa bumi, angin ribut yang membinasa, kejahilan, baik yang nyata mahupun yang tersembunyi. Ya Allah! Bimbinglah kami ke jalan yang Engkau redhai. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ،

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعْظُمُ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.